



MUCET



PERSIDANGAN MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITIES CONFERENCE ON ENGINEERING & TECHNOLOGY 2008



Jaringan kerjasama Malaysian Technical Universities Network (MTUN) yang terdiri dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipereratkan lagi dengan penganjuran Persidangan Malaysian Technical Universities Conference on Engineering & Technology pada 15 - 16 Mac 2008 yang lalu. Bertempat di Hotel Putra Palace, Persidangan MUCET 2008 merupakan yang kedua kalinya diadakan selepas penganjuran pertamanya di UTHM pada tahun 2006.

Seramai 233 orang pembentang kertas kerja telah membentangkan hasil penyelidikan mereka yang merangkumi bidang-bidang seperti Sains, Kejuruteraan, Teknologi, Sains Sosial dan Pengurusan. Mereka terdiri daripada 118 pembentang dari UniMAP, yang juga merupakan universiti yang telah menghantar penyertaan teramai serta pembentang dari UMP seramai 17 orang, UTHM dengan 62 orang dan UTeM dengan 36 orang pembentang pada persidangan selama dua hari itu.

Persidangan tersebut telah dimulakan dengan sesi perbentangan oleh pembentang jemputan iaitu oleh Prof. O. Cathain dari Athlone Institute of Technology (AIT), Ireland dan ia diikuti dengan perbentangan kertas kerja jemputan kedua oleh En. Wan Abdullah bin Wan Sulong dari Proton Holding Berhad.

Majlis perasmian persidangan MUCET 2008 telah diadakan pada hari pertama persidangan di Ball Room, Hotel Putra Palace di mana Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP telah merasmikan persidangan tersebut. Antara jemputan kehormat yang telah hadir adalah Prof. Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela, Naib Canselor UMP, Timbalan-Timbalan Naib Canselor dari keempat-empat universiti terlibat dan wakil dari AIT, Ireland.

Seterusnya pada sebelah petangnya, sesi perbentangan oleh peserta-peserta MUCET 2008 dimulakan yang telah dibahagikan kepada sembilan kumpulan pembentang bagi menampung jumlah 233 perbentangan selama dua hari itu. Turut diadakan juga Mesyuarat Naib-Naib Canselor MTUN yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Universiti yang dihadiri oleh keempat-empat Naib Canselor yang terlibat.